

02 AUG 1998

Presiden (Dengan gambar)

PRESIDEN DJIBOUTI TIBA UNTUK LAWATAN NEGARA

SEPANG, 2 Ogos (Bernama) -- Presiden Djibouti, Hassan Gouled Aptidon tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan negara selama sembilan hari ke Malaysia bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Majlis sambutan rasmi akan diadakan di Dataran Parlimen di sini pagi esok.

Lawatan itu, yang merupakan yang pertama oleh ketua negara Djibouti itu, adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Beliau disambut setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, yang juga menteri pengiring.

Rombongan Djibouti itu termasuk Menteri Perdagangan dan Industri Mohamed Barkat Abdillah dan Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi Abdallah Abdillahi Miguil, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Beliau dijadual menghadap Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara esok.

Beliau akan juga mengetuai delegasi Djibouti ke rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Antara tempat yang bakal beliau lawati ialah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Petronas, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Menara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang.

Menteri-menteri Djibouti itu akan juga menghadiri taklimat berasingan yang diberikan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Djibouti, bekas tanah jajahan Perancis, terletak di rantau yang dikenali sebagai Tanduk Afrika dan berjiran dengan Somalia di selatan, Habsyah di barat dan Eritrea di utara.

Dengan keluasan kira-kira 22,000 km persegi, negara itu mempunyai penduduk kira-kira 434,000 orang dan ekonominya bergantung kepada aktiviti perkhidmatan.

-- BERNAMA

AFY AKD